

KEPUASAN PELANCONG TERHADAP AKTIVITI PELANCONGAN, PERKHIDMATAN DAN FASILITI DI SUANG NOH HOMESTAY, KUNDASANG, SABAH.

Joevian Tinus¹ & Andreas Pingking²

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Corresponding Author (s): Andreas Pingking (email: reasand94@gmail.com)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kepuasan pelancong terhadap perkhidmatan dan fasiliti fizikal yang disediakan di Suang Noh Homestay, Kundasang, Sabah. Kajian ini melibatkan seramai 40 orang responden yang dipilih secara rawak, menggunakan instrumen soal selidik yang merangkumi aspek perkhidmatan pelanggan, kemudahan asas, kebersihan, keselamatan, kemudahan internet serta pengurusan operasi homestay. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap kepuasan pelancong berada pada tahap yang sangat tinggi dalam semua aspek yang dinilai. Majoriti responden menilai pengalaman mereka sebagai positif dan menepati jangkaan dari segi keselesaan, layanan mesra kakitangan, serta kemudahan moden yang disediakan. Dapatan ini membuktikan bahawa Suang Noh Homestay berjaya melaksanakan pengurusan yang cekap, berkualiti dan selaras dengan prinsip pelancongan komuniti. Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap pembangunan pelancongan luar bandar, khususnya dalam memperkukuh imej homestay sebagai produk pelancongan berasaskan komuniti yang mampan dan autentik di Sabah.

Kata kunci: Kepuasan Pelancong, Homestay, Fasiliti Fizikal, Pelancongan Berasaskan Komuniti

ABSTRACT

This study aims to assess the level of tourist satisfaction with the services and physical facilities provided at Suang Noh Homestay, Kundasang, Sabah. A total of 40 respondents were randomly selected, and data were collected through a structured questionnaire focusing on customer service, basic amenities, cleanliness, safety, internet access, and operational management. The findings reveal that the overall satisfaction level among tourists is remarkably high across all evaluated aspects. Most respondents expressed strong agreement that their experience was positive, comfortable, and aligned with their expectations, particularly in terms of service quality, staff hospitality, and the availability of modern facilities. The results indicate that Suang Noh Homestay has successfully implemented effective and community-oriented management practices. This study highlights the significance of community-based tourism in enhancing rural tourism development and strengthening the image of homestays as sustainable and authentic tourism products in Sabah.

Keywords: *Tourist Satisfaction, Homestay, Physical Facilities, Community-Based Tourism*

Pengenalan

Ekopelancongan merupakan salah satu cabang pelancongan yang menekankan kepada prinsip kelestarian alam sekitar, pemeliharaan budaya, dan penglibatan komuniti setempat dalam pembangunan ekonomi (Salman et al., 2020). Menurut World Tourism Organization (UNWTO), ekopelancongan bukan sahaja berasaskan aktiviti rekreasi di kawasan semula jadi, tetapi juga bertujuan meningkatkan kesedaran pelancong terhadap kepentingan pemuliharaan biodiversiti dan kebudayaan tempatan. Menurut Dahlan et al. (2024), di Malaysia, ekopelancongan telah dikenal pasti sebagai sektor strategik yang menyokong agenda pembangunan mampan negara, terutamanya dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), yang menekankan keseimbangan antara kemajuan ekonomi dan pemeliharaan sumber semula jadi.

Program homestay pula menjadi salah satu bentuk pelaksanaan ekopelancongan yang paling berkesan dalam konteks komuniti luar bandar (Zulkefli et al., 2021). Melalui program ini, pelancong berpeluang untuk tinggal bersama keluarga angkat tempatan, menyertai aktiviti harian masyarakat, serta merasai sendiri keunikan budaya dan gaya hidup setempat (Trisoko et al., 2024). Homestay bukan sekadar produk pelancongan alternatif, tetapi juga platform pembangunan komuniti yang membantu meningkatkan pendapatan penduduk, mengurangkan penghijrahan belia, serta memupuk semangat keusahawanan. Menurut Ismail (2024), sejak dilancarkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada tahun 1995, program homestay di Malaysia telah berkembang pesat dengan lebih daripada 200 kluster berdaftar di seluruh negara.

Sabah pula merupakan antara destinasi utama ekopelancongan di Malaysia yang terkenal dengan kekayaan biodiversiti, landskap semula jadi yang menakjubkan, serta kepelbagaian etnik dan budaya (Zakaria & Hua, 2024). Kawasan seperti Kundasang, Kiulu, Kudat dan Ranau menawarkan pengalaman pelancongan yang berasaskan komuniti dan keindahan alam semula jadi yang masih terpelihara. Program homestay di Sabah, termasuk Suang Noh Homestay di Kundasang, memainkan peranan penting dalam memperkenalkan nilai-nilai budaya Dusun serta gaya hidup masyarakat desa kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.

Secara keseluruhannya, pembangunan ekopelancongan dan homestay di Malaysia, khususnya di Sabah, bukan sahaja menyumbang kepada pemuliharaan sumber alam dan budaya, tetapi juga berfungsi sebagai instrumen penting dalam menjana ekonomi komuniti setempat (Kunjuraman, 2022). Kejayaan inisiatif ini bergantung kepada kepuasan pelancong terhadap aktiviti, perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan yang seterusnya menentukan kelestarian jangka panjang sektor pelancongan komuniti di negeri ini.

Sorotan Literatur

Model Teori Equiti (MTE)

Model Teori Equity (MTE), yang diperkenalkan oleh Adams (1963), merupakan salah satu teori psikologi sosial yang menerangkan bagaimana individu menilai keadilan dalam pertukaran sosial dan ekonomi. Teori ini

menegaskan bahawa tahap kepuasan seseorang terhadap sesuatu situasi termasuk dalam konteks pekerjaan, perkhidmatan atau pengalaman pelancongan bergantung kepada sejauh mana individu tersebut merasakan bahawa input dan hasil yang diterimanya adalah seimbang berbanding dengan orang lain.

Menurut teori ini, input merujuk kepada segala usaha, masa, wang, tenaga atau pengorbanan yang diberikan oleh individu, manakala output ialah ganjaran atau hasil yang diperoleh seperti pengalaman, kePuas an, layanan, atau pulangan nilai. Sekiranya pelancong merasakan bahawa hasil yang diterima sepadan dengan usaha dan kos yang dikeluarkan (contohnya bayaran penginapan, masa perjalanan, dan harapan terhadap kualiti perkhidmatan), maka mereka akan berasa Puas dan menilai pengalaman itu sebagai adil. Sebaliknya, jika mereka merasakan berlaku ketidakseimbangan sama ada menerima kurang daripada jangkaan atau berbanding pelancong lain maka rasa Tidak Puas akan timbul.

Dalam konteks kajian pelancongan, Model Teori Equity sering digunakan untuk menilai kepuasan pelancong terhadap produk dan perkhidmatan pelancongan. Pelancong menilai tahap kepuasan mereka berdasarkan persepsi keadilan terhadap nilai yang diterima berbanding dengan apa yang dibayar serta pengalaman yang dialami. Sebagai contoh, jika kemudahan di homestay berkualiti baik, layanan mesra, dan aktiviti pelancongan memenuhi jangkaan, pelancong akan menilai pengalaman tersebut secara positif kerana wujud keseimbangan antara input (bayaran dan harapan) dan output (pengalaman dan kePuas an).

Oleh itu, dalam kajian mengenai kepuasan pelancongan terhadap aktiviti, perkhidmatan dan fasiliti di Suang Noh Homestay, Kundasang, Model Teori Equity amat relevan untuk digunakan. Ia membantu penyelidik memahami bagaimana persepsi pelancong terhadap keadilan dan keseimbangan antara apa yang mereka beri dan apa yang mereka terima mempengaruhi tahap kepuasan keseluruhan. Pemahaman ini penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan, memperkukuh pengurusan destinasi, dan mengekalkan kepercayaan serta kesetiaan pelancong terhadap produk pelancongan komuniti di Sabah.

Teori Kepuasan Pelawat

Teori Kepuasan Pelawat (*Visitor Satisfaction Theory*) yang diasaskan kepada Hierarki Keperluan Maslow (1943) menegaskan bahawa kepuasan pelawat bergantung kepada tahap sejauh mana keperluan mereka sama ada asas mahupun kompleks dapat dipenuhi sepanjang pengalaman pelancongan. Dalam konteks pelancongan, teori ini digunakan untuk memahami motivasi pelawat serta bagaimana pengalaman mereka di destinasi tertentu mempengaruhi tahap kepuasan keseluruhan.

i. Keperluan Fisiologi (Physiological Needs)

Menurut Maslow, keperluan fisiologi merupakan asas kepada semua bentuk motivasi manusia. Dalam konteks pelancongan, ia merangkumi keperluan terhadap makanan, minuman, tempat tinggal, keselesaan fizikal, dan rehat. Pelawat tidak dapat menikmati pengalaman lawatan secara optimum sekiranya keperluan asas ini tidak dipenuhi (Kim & Kim, 2019). Kajian menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan asas yang mencukupi seperti tandas awam yang bersih, kemudahan penginapan yang selesa, serta akses kepada makanan dan minuman yang sesuai merupakan faktor utama dalam menentukan kepuasan asas pelawat (Ali et al., 2025).

ii. Keperluan Keselamatan (Safety Needs)

Selepas keperluan fisiologi dipenuhi, pelawat akan menilai tahap keselamatan fizikal dan psikologi di destinasi pelancongan. Aspek keselamatan meliputi keselamatan daripada jenayah, kestabilan politik, jaminan kesihatan, dan kemudahan infrastruktur. Menurut Wimaladasa et al. (2025), persepsi terhadap keselamatan destinasi memberi kesan langsung kepada kepuasan dan niat untuk berkunjung semula. Destinasi yang menyediakan sistem keselamatan yang efisien, maklumat yang jelas, dan bantuan kecemasan yang cepat akan menimbulkan rasa percaya dan selesa dalam kalangan pelawat (Rahaman et al., 2025).

iii. Keperluan Sosial (Social Needs / Belongingness)

Pada tahap ini, pelawat mencari interaksi sosial dan rasa diterima dalam persekitaran lawatan mereka. Pengalaman yang melibatkan hospitaliti, interaksi dengan komuniti tempatan, dan suasana mesra memberi kesan terhadap kepuasan emosional (Liu et al., 2022). Kajian oleh Wong et al.

(2024) menunjukkan bahawa pelancong yang mengalami interaksi sosial positif di destinasi lawatan mempunyai tahap kepuasan yang lebih tinggi kerana mereka merasa “terhubung” dan dihargai secara sosial.

iv. Keperluan Penghargaan (Esteem Needs)

Keperluan ini berkaitan dengan pengiktirafan, status, dan rasa dihormati. Dalam konteks pelancongan, pelawat mencari pengalaman yang meningkatkan harga diri, seperti layanan eksklusif, peran individu daripada staf, atau pencapaian peribadi (misalnya, berjaya menamatkan pendakian). Menurut Damanik dan Yusuf (2022), kepuasan pelawat meningkat apabila mereka merasakan bahawa perkhidmatan yang diterima menepati jangkaan serta memberi pengiktirafan terhadap identiti dan kedudukan sosial mereka.

v. Keperluan Aktualisasi Diri (Self-Actualization Needs)

Tahap tertinggi dalam hierarki Maslow merujuk kepada pencapaian potensi diri dan makna peribadi. Dalam konteks pelancongan, pelawat mencapai kepuasan tertinggi apabila pengalaman lawatan mereka membawa kepada perkembangan diri, penemuan makna hidup, atau pengalaman spiritual dan budaya yang mendalam (Chun et al., 2021). Sebagai contoh, penglibatan dalam aktiviti sukarela pelancongan komuniti (*voluntourism*) atau pengalaman budaya yang autentik boleh memberikan kepuasan intrinsik yang melampaui aspek material (Magrizos et al., 2021).

Konsep Utama Kajian

i. Konsep Pelancong

Pelancong ditakrifkan sebagai individu yang melakukan perjalanan ke destinasi di luar tempat kediaman dan pekerjaan tetapnya bagi tempoh tertentu untuk tujuan selain aktiviti yang menghasilkan pendapatan di tempat yang dikunjungi (Huang, 2012). Menurut World Tourism Organization (UNWTO, 2008), pelancong ialah seseorang yang mengembara dan tinggal di luar persekitaran biasa mereka sekurang-kurangnya 24 jam tetapi tidak melebihi satu tahun berturut-turut bagi tujuan rekreasi, perniagaan, sosial, kesihatan, keagamaan atau aktiviti lain yang bukan berbentuk pekerjaan berbayar. Mathieson dan Wall (1982) turut menekankan bahawa pelancong ialah individu atau kumpulan yang melakukan perjalanan sementara bagi memperoleh pengalaman baharu dari segi budaya, sosial, atau rekreasi.

Dalam konteks Malaysia, pelancong terdiri daripada pelancong domestik dan antarabangsa yang memainkan peranan penting dalam merangsang ekonomi tempatan melalui peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan serta pembangunan komuniti setempat (MOTAC, 2022). Secara keseluruhannya, konsep pelancong bukan sahaja melibatkan pergerakan sementara, tetapi juga mencakupi pengalaman, interaksi budaya, serta penjanaaan manfaat ekonomi antara pelancong dan komuniti tuan rumah (Abram et al., 2021).

ii. Konsep Pelancongan

Pelancongan merujuk kepada pergerakan sementara individu atau kumpulan dari tempat kediaman dan pekerjaan tetap mereka ke destinasi lain bagi tujuan rekreasi, perniagaan, pendidikan, kesihatan atau aktiviti bukan pekerjaan (Ambali, 2025). Di Malaysia, sektor pelancongan menjadi pemacu utama ekonomi negara kerana melibatkan rangkaian industri sokongan seperti pengangkutan, hospitaliti, makanan dan minuman, kraftangan serta perkhidmatan budaya (Puah et al., 2018). Sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada pendapatan negara kasar (PNK) tetapi turut memperkukuh hubungan sosial, memperkenalkan kepelbagaian budaya dan mempromosikan keindahan alam semula jadi negara. Pelancongan di Malaysia merangkumi pelancongan konvensional dan pelancongan alternatif seperti ekopelancongan, agropelancongan dan pelancongan komuniti yang menekankan kelestarian (Kapoor & Jain, 2024; Kumar et al., 2023).

Selain menjana peluang pekerjaan serta menggalakkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sektor pelancongan turut memacu pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, terutamanya di kawasan luar bandar yang berasaskan komuniti (Mtapuri et al., 2022). Kesan limpahan ekonomi melalui aktiviti pelancongan memperkukuh jaringan sosial, meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan memberi manfaat ekonomi kepada komuniti setempat (Zhang et al., 2024). Dengan pendekatan pelancongan berasaskan kelestarian dan penglibatan komuniti, Malaysia berpotensi muncul sebagai destinasi pelancongan utama dunia, hasil kerjasama bersepadu antara kerajaan, sektor swasta dan komuniti tempatan dalam mengekalkan identiti budaya serta warisan semula jadi negara (Qamruzzaman, 2023).

iii. Konsep Kepuasan Pelancong

Menurut Ratnasari et al. (2021), kepuasan pelancong merujuk kepada tahap keseronokan dan perasaan positif yang timbul hasil perbandingan antara jangkaan awal dengan pengalaman sebenar ketika menikmati destinasi atau perkhidmatan pelancongan. Damanik dan Yusuf (2022) turut menjelaskan bahawa kepuasan pelancong berlaku apabila pengalaman sebenar memenuhi atau melebihi jangkaan yang dibentuk sebelum lawatan. Han et al. (2024) menambah bahawa kepuasan ialah tindak balas emosi pasca penggunaan terhadap tahap kesesuaian antara jangkaan dan prestasi sebenar perkhidmatan, manakala Dzulkifli dan Masjhoer (2020) menegaskan bahawa faktor seperti kualiti perkhidmatan, kemudahan, daya tarikan dan interaksi sosial memainkan peranan penting dalam membentuk tahap kepuasan pelancong.

Selain itu, Rosid et al. (2020) menyatakan bahawa kepuasan pelancong merupakan indikator penting kejayaan destinasi pelancongan kerana ia mempengaruhi niat kunjungan semula dan promosi melalui saranan mulut ke mulut. Pelancong yang berpuas cenderung untuk kembali ke destinasi sama dan mengesyorkannya kepada orang lain, sekali gus menyokong kelestarian ekonomi dan reputasi destinasi. Secara keseluruhan, kepuasan pelancong boleh dianggap sebagai reaksi kognitif dan afektif terhadap pengalaman pelancongan yang dinilai berdasarkan keseimbangan antara harapan dan realiti (Moreno-Melgarejo et al., 2019). Dalam konteks pelancongan komuniti seperti Suang Noh Homestay di Kundasang, tahap kepuasan pelancong menjadi penentu penting kepada mutu perkhidmatan, keberkesanan aktiviti pelancongan dan daya tarikan destinasi di Sabah.

iv. Konsep Homestay

Homestay ialah bentuk penginapan pelancongan berasaskan komuniti yang memberi peluang kepada pelancong untuk tinggal bersama keluarga tempatan, menyertai aktiviti harian masyarakat, dan merasai budaya serta tradisi setempat (Pasanchay & Schott, 2021). Menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC, 2019), homestay merupakan produk pelancongan berasaskan komuniti (CBT) yang membolehkan pelancong menginap di rumah pengusaha tempatan berdaftar sambil mengikuti aktiviti seperti pertanian, masakan tradisional, kraftangan dan upacara budaya. Anwar et al. (2025) pula menyatakan bahawa homestay bukan sekadar penginapan alternatif tetapi juga alat pembangunan sosioekonomi luar bandar yang

meningkatkan pendapatan penduduk melalui penyertaan dalam sektor pelancongan, selain menggalakkan interaksi sosial antara pelancong dan komuniti tuan rumah (Sarma et al., 2025).

Konsep homestay turut berkait rapat dengan prinsip pelancongan mampan yang menekankan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, pemeliharaan alam sekitar dan kelestarian budaya (Ijose & Birendra, 2025). Di Malaysia, program homestay diperkenalkan secara rasmi pada tahun 1995 di bawah inisiatif Kementerian Pelancongan dan kini berkembang dengan ratusan kluster berdaftar di seluruh negara (Amirah, 2022). Sabah, khususnya melalui Suang Noh Homestay di Kundasang, menonjolkan keindahan alam semula jadi serta warisan budaya etnik Dusun yang memperkasa ekonomi komuniti luar bandar dan mempromosikan ekopelancongan berasaskan komuniti. Secara keseluruhannya, homestay merupakan pendekatan pelancongan inklusif yang menekankan pengalaman autentik, penglibatan komuniti, serta kelestarian sosioekonomi dan budaya di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan (survey research design) bagi menilai tahap kepuasan pelancong terhadap aktiviti pelancongan, perkhidmatan, dan fasiliti di Suang Noh Homestay, Kundasang, Sabah. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data numerik secara sistematik yang dianalisis menggunakan kaedah statistik bagi mengenal pasti pola dan hubungan antara pembolehubah (Creswell, 2014). Reka bentuk tinjauan dipilih kerana ia sesuai untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada pelancong dalam tempoh masa yang singkat dan kos yang berpatutan.


Kaedah kutipan data dalam kajian ini menggunakan tiga pendekatan utama, iaitu survei melalui soal selidik, pemeran, dan sumber sekunder. Survei melalui soal selidik merupakan kaedah utama yang dilaksanakan secara talian melalui *Google Form* bagi menilai tahap kepuasan pelancong terhadap aktiviti pelancongan, perkhidmatan dan fasiliti di Suang Noh Homestay. Soal selidik ini merangkumi tiga bahagian utama: latar belakang responden, tahap kepuasan terhadap aktiviti pelancongan, serta tahap kepuasan terhadap perkhidmatan dan fasiliti, dengan setiap item diukur menggunakan Skala Likert lima mata. Responden dipilih melalui persampelan bertujuan dengan bantuan pengusaha homestay untuk menyebarkan pautan soal selidik kepada pelancong melalui media sosial dan WhatsApp. Seramai 40 orang responden

telah dijadikan sample dalam kajian ini. Selain itu, pemeran tidak berstruktur dijalankan di lokasi kajian bagi menilai suasana persekitaran, kebersihan, kemudahan, serta interaksi antara staf dan pelancong, sekali gus menyokong dapatan soal selidik. Seterusnya, data sekunder diperoleh daripada sumber seperti artikel jurnal, buku, laporan penyelidikan, dan laman web rasmi pelancongan bagi memperkukuh asas teori dan meningkatkan kesahan analisis kajian.

Analisis Data Kuantitatif

Analisis data kuantitatif merupakan proses sistematik untuk mentafsir dan menilai data berbentuk angka dengan tujuan mengenal pasti corak, hubungan, serta trend yang signifikan bagi menjawab persoalan kajian secara objektif dan empirikal. Ia melibatkan penggunaan kaedah statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, dan peratusan (Creswell & Creswell, 2017). Proses ini biasanya dijalankan menggunakan perisian analisis statistik seperti SPSS, R atau Excel untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Analisis data kuantitatif berfungsi bukan sahaja untuk mengesahkan hipotesis yang dibentuk berdasarkan teori, tetapi juga untuk menyokong inferens saintifik yang boleh digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas, sekali gus meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan. Berikut merupakan proses analisis data kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini:

Rajah 1: Proses Analisis Data Kuantitatif



Sumber: Adaptasi daripada Creswell (2014)

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Suang Noh Homestay, Kampung Kundasang, Sabah, iaitu sebuah homestay yang terletak berhampiran destinasi pelancongan utama seperti Taman Kinabalu dan Pekan Kundasang. Pemilihan lokasi ini dibuat berdasarkan popularitinya dalam kalangan pelancong serta kesediaan pengusahanya memberi kerjasama terhadap pelaksanaan kajian. Kajian hanya memfokuskan kepada satu homestay bagi membolehkan penyelidikan dijalankan secara mendalam terhadap tahap kepuasan pelancong yang menginap di lokasi tersebut. Tempoh pelaksanaan kajian dijalankan dalam satu fasa kerja lapangan yang melibatkan proses pengumpulan data secara langsung di tapak kajian.

Perbincangan Dapatan Kajian

a) Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Pelancong di Suang Noh Homestay

Skala likert dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1 = Sangat Tidak Puas, 2 = Tidak Puas, 3 = Sederhana, 4 = Puas, 5 = Sangat Puas

Jadual 1: Komponen Faktor Yang Mempengaruhi Kepuasan Pelancong di Suang Noh Homestay, n=40.

Item	Skala Likert					Min
	1	2	3	4	5	
Faktor Kepuasan Pelancong	Sangat Tidak Puas	Tidak Puas	Sederhana	Puas	Sangat Puas	
1. Lokasi Suang Noh Homestay mudah diakses.				3 (7.5%)	37 (92.5%)	4.93
2. Harga penginapan yang ditawarkan berpatutan dengan kemudahan yang disediakan.				4 (10%)	36 (90%)	4.90
3. Kakitangan homestay mesra dan membantu.				2 (5%)	38 (95%)	4.95
4. Persekitaran homestay tenang dan sesuai untuk berehat.				3 (7.5%)	37 (92.5%)	4.93
5. Tempahan homestay mudah dilakukan sama ada secara atas talian atau terus				1 (2.5%)	39 (97.5%)	4.98
6. Keselamatan kawasan homestay berada pada tahap yang memuaskan.				5 (12.5%)	35 (87.5%)	4.88
7. Homestay ini sesuai untuk pelancong keluarga, pasangan, dan solo.				2 (5%)	38 (95%)	4.95

Sumber: Kajian Lapangan (2025)

Jadual 1 menunjukkan komponen utama yang merangkumi beberapa aspek penting seperti aksesibiliti, harga penginapan, perkhidmatan pelanggan, persekitaran, aktiviti pelancongan, keselamatan serta kemudahan yang disediakan. Setiap faktor dinilai berdasarkan maklum balas daripada 40 orang responden yang telah mengambil bahagian dalam soal selidik kajian ini. Penilaian terhadap setiap komponen ini membolehkan penyelidik mengenal pasti elemen-elemen yang paling signifikan dalam membentuk kepuasan pelancong secara keseluruhan di homestay tersebut. Berikut merupakan penerangan berkaitan komponen dalam Jadual 1:

i. Aksesibiliti Lokasi

Dapatan menunjukkan bahawa 92.5% responden Sangat Puas bahawa Suang Noh Homestay mudah diakses dan terletak di lokasi strategik. Kedudukannya yang berhampiran dengan laluan utama serta tidak jauh dari kawasan tarikan pelancongan seperti Taman Kinabalu, ladang sayur-sayuran dan pasar Kundasang menjadikannya destinasi yang mudah dikunjungi oleh pelancong domestik dan antarabangsa. Akses jalan yang baik serta papan tanda yang jelas turut membantu mengurangkan kesulitan perjalanan pelancong. Lokasi yang strategik ini menjadi faktor daya tarikan utama, kerana kemudahan akses merupakan salah satu penentu kepuasan pelancong dalam kajian pelancongan (Cohen, 1979). Kemudahan perjalanan yang efisien bukan sahaja memudahkan pergerakan pelancong, tetapi juga meningkatkan kecenderungan mereka untuk melakukan lawatan ulangan. Dalam konteks ini, Suang Noh Homestay telah berjaya memenuhi keperluan tersebut, sekaligus memperkukuh daya saingnya sebagai destinasi inap desa di kawasan tanah tinggi Sabah.

Secara analisis statistik, nilai Min yang dikira bagi item ini adalah 4.93, yang meletakkannya hampir kepada nilai maksimum Skala Likert 5-mata (5.0, Sangat Puas). Nilai min yang tinggi ini, disokong oleh peratusan yang dominan dalam kategori tertinggi, secara signifikan membuktikan bahawa lokasi homestay tersebut dinilai sebagai sangat mudah diakses dan strategik oleh pelancong. Aksesibiliti lokasi yang optimum adalah faktor kritikal dalam industri pelancongan, dan kejayaan Suang Noh Homestay dalam aspek ini merupakan penyumbang utama kepada kepuasan pengalaman keseluruhan pelancong.

ii. Harga Penginapan

Dalam aspek harga, 90% responden Sangat Puas bahawa kadar penginapan yang ditawarkan adalah berpatutan dan selaras dengan kemudahan yang disediakan. Ini menunjukkan bahawa pelancong menilai pengalaman mereka di Suang Noh Homestay sebagai memberi nilai setimpal dengan harga yang dibayar (*value for money*). Harga penginapan yang kompetitif dan seimbang merupakan faktor penting dalam memastikan kepuasan pengguna serta kesetiaan pelancong terhadap sesuatu destinasi. Dalam konteks pelancongan komuniti, strategi penetapan harga yang mengambil kira kemampuan pelancong dari pelbagai latar sosioekonomi merupakan pendekatan lestari yang dapat menarik pasaran yang lebih luas.

Secara statistik, nilai Min bagi item ini ialah 4.90 (Sangat Puas) yang sangat mendekati skor maksimum 5.0. Hal ini membuktikan bahawa pihak pengurusan homestay telah berjaya menetapkan harga yang dianggap sangat berpatutan dengan nilai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, sekaligus memenuhi jangkaan pelancong dari segi nilai wang (*value for money*). Oleh itu, strategi harga yang dilaksanakan oleh Suang Noh Homestay dapat dianggap efektif dalam mengekalkan daya saingnya, di samping mencerminkan komitmen pengurusan terhadap prinsip keadilan nilai dan kepuasan pelanggan. Strategi ini turut menyokong konsep pelancongan inklusif, yang menekankan ketercapaian pengalaman pelancongan kepada semua lapisan masyarakat.

iii. Perkhidmatan Pelanggan

Aspek perkhidmatan pelanggan mencatatkan dapatan paling memberangsangkan, di mana 95% responden sangat berpuas dengan layanan kakitangan yang mesra, sopan dan sedia membantu. Hal ini menunjukkan bahawa elemen hospitaliti merupakan teras kekuatan utama Suang Noh Homestay. Kualiti perkhidmatan pelanggan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap kepuasan dan pengalaman pelancong. Kakitangan yang beretika dan profesional bukan sahaja mempamerkan imej positif organisasi, tetapi juga mencipta pengalaman emosi yang mendalam kepada pelancong. Layanan mesra dan keprinan terhadap keperluan tetamu menjadikan pelancong berasa dihargai, selesa dan selamat. Hal ini berpotensi mewujudkan kesetiaan pelanggan (*customer loyalty*) dan meningkatkan promosi dari mulut ke mulut (*word-of-mouth*) yang berkesan merupakan satu

bentuk pemasaran semula jadi yang amat bernilai bagi sektor pelancongan komuniti.

Min yang direkodkan bagi item ini adalah 4.95 (Sangat Puas), menjadikannya antara skor tertinggi dalam keseluruhan kajian, dan hampir mencecah nilai maksimum 5.0. Skor yang tinggi ini membuktikan bahawa komitmen Suang Noh Homestay terhadap kualiti sumber manusia dan keupayaan kakitangan untuk berinteraksi secara mesra dan membantu adalah sangat berjaya. Faktor keramahan kakitangan merupakan penentu utama dalam memberikan pengalaman positif kepada pelancong dan penyumbang kritikal kepada kepuasan perkhidmatan keseluruhan.

iv. Persekitaran dan Suasana Homestay

Dari segi persekitaran, 92.5% responden Sangat Puas bahawa Suang Noh Homestay menawarkan suasana tenang, bersih dan sesuai untuk berehat. Persekitaran yang dikelilingi kehijauan serta udara sejuk di tanah tinggi Kundasang memberikan suasana yang nyaman dan menyegarkan kepada pelancong. Aspek persekitaran ini selaras dengan konsep pelancongan lestari (*sustainable tourism*) yang menitikberatkan penjagaan alam sekitar dan kesejahteraan pelancong. Homestay yang mengekalkan kebersihan dan kelestarian alam semula jadi bukan sahaja menambah nilai estetika, tetapi juga memperkukuh imejnya sebagai destinasi pelancongan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Nilai Min yang dicatatkan bagi item ini adalah 4.93 (Sangat Puas), meletakkannya pada paras yang hampir maksimum pada Skala Likert 5-mata. Nilai min yang tinggi ini membuktikan bahawa Suang Noh Homestay berjaya menyediakan suasana yang bukan sahaja tenang, tetapi juga sangat kondusif untuk tujuan berehat dan melepaskan tekanan, menjadikannya faktor daya tarikan utama bagi pelancong yang mencari ketenangan.

v. Sistem Tempahan dan Akses Digital

Dalam era digital masa kini, sistem tempahan yang efisien memainkan peranan penting dalam menarik minat pelancong. Dapatan menunjukkan bahawa 97.5% responden Sangat Puas bahawa proses tempahan di Suang Noh Homestay mudah, cepat dan mesra pengguna. Kemampuan pihak pengurusan menyediakan kemudahan tempahan secara atas talian (*online booking*) serta secara bersemuka menunjukkan tahap adaptasi yang tinggi terhadap trend teknologi pelancongan semasa. Sistem tempahan yang fleksibel bukan sahaja

menjimatkan masa pelancong, tetapi juga meningkatkan persepsi profesional terhadap pengurusan homestay. Aspek ini mencerminkan ciri inovasi digital dalam pengurusan pelancongan komuniti, di mana penggunaan teknologi secara optimum mampu memperkukuh kecekapan operasi dan memudahkan pengalaman pengguna secara menyeluruh.

Secara analisis statistik, item ini mencatatkan nilai Min yang hampir sempurna, iaitu 4.98 (Sangat Puas). Skor Min ini membuktikan bahawa sistem tempahan yang diguna pakai oleh Suang Noh Homestay, meliputi kedua-dua platform dalam talian dan urusan secara terus, adalah sangat efisien, lancar, dan mesra pengguna. Kemudahan dan kelancaran proses tempahan ini bukan sahaja mengurangkan halangan tempahan (*booking friction*), malah berjaya memberikan pengalaman positif pertama yang optimum kepada pelancong, menjadikannya faktor penyumbang utama kepada kepuasan pengalaman keseluruhan.

vi. Keselamatan dan Kawalan Kawasan

Keselamatan merupakan antara faktor utama yang menentukan tahap keyakinan pelancong terhadap sesuatu destinasi. Berdasarkan hasil kajian, 87.5% responden Sangat Puas bahawa kawasan Suang Noh Homestay adalah selamat dan terkawal. Langkah-langkah keselamatan seperti sistem kunci bilik yang baik, pencahayaan mencukupi di sekitar kawasan, serta pemantauan berterusan oleh pihak pengurusan telah meningkatkan rasa selamat dalam kalangan tetamu. Keadaan ini amat penting bagi pelancong keluarga dan wanita, yang biasanya memberi peran tinggi terhadap aspek keselamatan semasa melancong.

Selain itu, Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.88 (Sangat Puas). Walaupun skor ini merupakan nilai Min terendah dalam dimensi yang dinilai dalam Jadual 1, ia masih berada pada tahap yang sangat tinggi dan sangat menghampiri skor maksimum 5.0. Nilai yang kukuh ini menunjukkan bahawa persepsi pelancong terhadap keselamatan kawasan homestay adalah sangat positif, dan Suang Noh Homestay berjaya menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin kepada tetamu sepanjang tempoh penginapan mereka.

vii. Kesesuaian Homestay dengan Pelbagai Kategori Pelancong

Hasil kajian turut mendapati bahawa 95% responden menyatakan Puas bahawa Suang Noh Homestay sesuai untuk pelbagai kategori pelancong seperti keluarga, pasangan dan pelancong solo. Reka bentuk penginapan yang

fleksibel serta kemudahan lengkap membolehkan pelancong daripada pelbagai latar belakang menikmati pengalaman yang selesa. Homestay ini berjaya menampilkan ciri fleksibiliti dan keterangkuman (*inclusivity*) dalam penawaran perkhidmatannya, membolehkan setiap kategori pelancong menikmati pengalaman yang menepati keperluan masing-masing. Keserasian ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan memahami segmentasi pasaran pelancongan dan berupaya menyesuaikan produk dengan kehendak pelanggan yang berbeza. Nilai Min yang dicatatkan bagi item ini ialah 4.95 (Sangat Puas) dan ia antara skor tertinggi lain dalam kajian ini. Skor Min yang tinggi ini menunjukkan bahawa Suang Noh Homestay berjaya menawarkan nilai dan kemudahan yang serba boleh (*versatile*) dan memenuhi keperluan unik setiap kategori pelancong sama ada ruang dan aktiviti untuk keluarga, suasana privasi untuk pasangan, atau keselamatan dan kemudahan asas untuk pelancong solo. Kesesuaian yang meluas ini mengukuhkan kelebihan daya saing homestay dan potensi pasarannya.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa Suang Noh Homestay berjaya mencapai tahap kepuasan pelancong yang sangat tinggi dalam hampir semua aspek yang dinilai. Kejayaan ini berpunca daripada pengurusan yang cekap, layanan pelanggan yang berkualiti, kemudahan yang lengkap, serta penyesuaian terhadap keperluan pelancong moden. Kepuasan pelancong yang tinggi ini bukan sahaja memperkukuh daya saing homestay dalam pasaran pelancongan tempatan, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan pelancongan berasaskan komuniti yang mampan di Kundasang. Dapatan ini menunjukkan bahawa Suang Noh Homestay bukan sekadar destinasi inap desa, tetapi sebuah model pelancongan komuniti yang berdaya tahan, inklusif dan berorientasikan kualiti perkhidmatan. Secara tidak langsung, hasil kajian ini juga memberi implikasi kepada pembangunan dasar pelancongan luar bandar di Sabah dan Malaysia, di mana pendekatan pengurusan berasaskan komuniti dan nilai pelanggan perlu terus diperkukuh bagi menjamin kelestarian sektor pelancongan negara.

b) Tahap kepuasan pelancong terhadap aktiviti pelancongan yang ditawarkan di Suang Noh Homestay.

Skala likert dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1 = Sangat Tidak Puas, 2 = Tidak Puas, 3 = Sederhana, 4 = Puas, 5 = Sangat Puas

Jadual 2: Komponen tahap kepuasan pelancong terhadap aktiviti pelancongan yang ditawarkan di Suang Noh Homestay, n = 40

Item	Skala Likert					Min
	1	2	3	4	5	
Tahap Kepuasan Terhadap Aktiviti Pelancongan	Sangat Tidak Puas	Tidak Puas	Sederhana	Puas	Sangat Puas	
1. Aktiviti pelancongan yang ditawarkan di homestay adalah menarik.			4 Orang (10%)	6 Orang (15%)	30 Orang (75%)	4.65
2. Jadual aktiviti disusun dengan teratur dan tidak mengganggu masa rehat.			3 Orang (7.5%)	6 Orang (15%)	31 Orang (77.5%)	4.70
3. Saya puas dengan keseluruhan pengalaman menyertai aktiviti pelancongan di homestay ini.			1 Orang (2.5%)	10 Orang (25%)	29 Orang (72.5%)	4.70
4. Bimbingan dan penerangan semasa aktiviti diberikan dengan baik oleh penganjur.			1 Orang (2.5%)	8 Orang (20%)	31 Orang (77.5%)	4.75
5. Aktiviti yang disediakan sesuai dengan minat dan jangkaan pelancong.			2 Orang (5%)	8 Orang (20%)	30 Orang (75%)	4.70
